



GARIS PANDUAN PENYERTAAN HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

SUCCESS



ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
BAB 1	PENGENALAN TUJUAN OBJEKTIF	2-3
BAB 2	PENYERTAAN SYARAT-SYARAT PENYERTAAN BIDANG DAN KATEGORI PROJEK KIK KRITERIA PROJEK KIK PEMBENTUKAN KUMPULAN PENOLAKAN PENYERTAAN PERMOHONAN PENYERTAAN PEMBENTANGAN PROJEK	4-13
BAB 3	PENILAIAN KRITERIA PENILAIAN PROJEK	14-15
BAB 4	PENGIKTIRAFAN PENGANUGERAHAN DAN HADIAH	16
LAMPIRAN	BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN DAN RINGKASAN PROJEK FORMAT DAN KRITERIA PENILAIAN C FORMAT LAPORAN HAB INOVASI SEKTOR AWAM (HISA)	17-27

BAB 1: PENGENALAN

1.1 TUJUAN

- 1.1.1 Memberi penjelasan berhubung tatacara penyertaan Konvensyen Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Panduan ini dihasilkan selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) iaitu **Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 mengenai Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.**
- 1.1.2 Memaklumkan mengenai syarat-syarat penyertaan, kriteria penilaian dan skema pemarkahan Horizon Baharu KIK JUPEM.
- 1.1.3 Memaklumkan bahawa penyertaan projek KIK dinilai berdasarkan kepada kriteria dan format Horizon Baharu KIK seperti mana yang telah ditetapkan oleh pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).



1.2 OBJEKTIF

- 1.2.1 Menekankan konsep pengurusan secara kemanusiaan yang mengutamakan aspek modal insan dan konsep pengurusan secara penyertaan tanpa mengira kedudukan dalam organisasi diberi peluang untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada organisasi
- 1.2.2 Merupakan satu mekanisme yang melibatkan pekerja dalam proses penyelesaian masalah atau penambahbaikan proses kerja sedia ada atau memperkenalkan sesuatu yang baru
- 1.2.3 Menerapkan konsep *knowledge-based* dan *creativity-driven* bagi membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada produk atau perkhidmatan
- 1.2.4 Memberi tumpuan kepada idea, pembelajaran, perkongsian ilmu dan penciptaan nilai menerusi strategi pengenalpastian dan penyelesaian masalah, teknik-teknik penganalisisan serta penghasilan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif
- 1.2.5 Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan agensi sektor awam dalam penyampaian perkhidmatan dan memelihara kesejahteraan rakyat
- 1.2.6 Produk akhir KIK menjurus kepada penghasilan *output* berkualiti yang dapat dinikmati secara meluas. Dengan itu, *outcome*, impak dan sumbangan KIK terhadap pertumbuhan dan pengukuhan ekonomi negara akan lebih berkesan

BAB 2: PENYERTAAN

SYARAT - SYARAT PENYERTAAN

- 2.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Kumpulan KIK daripada Bahagian Ibu Pejabat dan JUPEM Negeri.
- 2.2 Projek yang menyertai pertandingan hendaklah merupakan projek yang telah selesai dijalankan sebelum tarikh akhir penyerahan dokumentasi projek kepada pihak urus setia.
- 2.3 Projek yang dipersembahkan mestilah belum pernah dipersembahkan dalam mana-mana Konvensyen KIK Jabatan/ Kementerian/ Kebangsaan (Sektor Awam) pada tahun-tahun sebelumnya.
- 2.4 Projek yang dihasilkan mestilah merupakan projek yang terbaharu dan terkini.

2.2 BIDANG DAN KATEGORI PROJEK KIK

2.2.1 Inovasi Sosial

- a) Inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat secara menyeluruh.
- b) Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan rakyat dalam membangunkan sesuatu inovasi.
- c) Ciri-ciri utama inovasi sosial adalah:
 - i. Pendekatan eksperimen yang berasaskan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik.

- ii. Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu dalam masyarakat.
- iii. Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi Kerajaan bersama-sama rakyat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar mereka.


Rajah 1: Kategori bagi Bidang Inovasi Sosial dan Contoh Projek Yang Dihasilkan




2.2.2 Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

- a) Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mencapai tahap transformasi penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- b) Inovasi ini bermatlamat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan.
- c) Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses rakyat.
- d) Idea-idea ini boleh merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi baharu dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah:
 - i. Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi
 - ii. Budaya Kerja
 - iii. Kewangan dan Aset
 - iv. Pengurusan Perhubungan Pelanggan
 - v. Pengurusan Sumber Manusia
 - vi. Pengurusan Projek Pembangunan
 - vii. Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)
- e) Ciri-ciri inovasi penyampaian perkhidmatan adalah:
 - i. Memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan.
 - ii. Meningkatkan kecekapan dan mengoptimum kos dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia.
 - iii. Memanfaatkan keupayaan teknologi terkini.
 - iv. Memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan.

Rajah 2: Kategori bagi Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dan Contoh Projek Yang Dihasilkan



Rajah 3: Bidang Inovasi dalam KIK, Kategori Inovasi dan Tahap Keberhasilan



2.3 KRITERIA PROJEK KIK

Lima kriteria yang perlu diambil kira oleh KIK di peringkat awal penghasilan projek bagi memastikan projek yang dipilih berjaya dilaksanakan dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan ditunjukkan pada Rajah 4.

Rajah 4: Kriteria Penghasilan Projek yang Berpotensi untuk dikembangkan



2.4 PEMBENTUKAN KUMPULAN

2.4.1 KIK Primer

- a. Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang tetapi tidak melebihi 10 orang daripada agensi sama yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK yang terdiri daripada:
 - i. Seorang Ketua Projek
 - ii. Sembilan Orang Ahli Kumpulan

2.4.2 KIK Hibrid

- a. Sekumpulan kakitangan terdiri daripada dua atau lebih organisasi di Ibu Pejabat/JUPEM Negeri/agensi yang bersilang fungsi, yang bekerjasama secara seamless untuk melaksanakan projek KIK Hibrid.
- b. Pelaksanaan KIK Hibrid boleh dilaksanakan dengan tiga (3) kaedah iaitu:
 - i. Kombinasi/penggabungan sekurang-kurangnya dua (2) atau lebih Kementerian/Jabatan/Agensi yang berbeza;
 - ii. Kombinasi/penggabungan sekurang-kurangnya dua (2) atau lebih Jabatan/Agensi di bawah Kementerian yang sama;
 - iii. Kombinasi/penggabungan ahli kumpulan KIK daripada Kementerian/Jabatan/Agensi dengan komuniti (contohnya: Persatuan Penduduk, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan sebagainya.)

2.4.3 Fasilitator

- a. Pelantikan fasilitator bergantung pada keperluan KIK masing-masing. Kumpulan Pengurusan Bahagian di Ibu Pejabat atau JUPEM Negeri boleh memberi khidmat sebagai fasilitator.
- b. Pelantikan fasilitator adalah tidak diwajibkan.

2.4.4 Ketua Kumpulan

- a. Ketua kumpulan merupakan seorang daripada ahli KIK. Persetujuan bersama hendaklah dicapai ketika proses pemilihan ketua kumpulan agar tidak timbul sebarang isu yang boleh menjejaskan perkembangan kumpulan.

2.4.5 Ahli Kumpulan

- a. Keahlian KIK terbuka kepada semua kakitangan dalam Bahagian di Ibu Pejabat atau JUPEN Negeri. Bagi KIK Hibrid, keanggotaan kumpulan yang mewakili Jabatan/Agensi/Bahagian masing-masing hendaklah seimbang atau pada bilangan yang munasabah.
- b. Jabatan/Agensi/Bahagian yang terlibat dalam KIK Hibrid digalakkan untuk menyediakan suatu memorandum persefahaman secara bertulis bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara.

2.5 PENOLAKAN PENYERTAAN

- 2.4.2** Urus setia berhak menolak penyertaan dari mana-mana kumpulan KIK yang tidak layak berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 2.4.3** Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan yang layak untuk menyertai Konvensyen HORIZON BAHARU KIK peringkat JUPEM yang ditentukan berdasarkan syarat penyertaan adalah muktamad.
- 2.4.4** Keputusan panel penilai dalam Konvensyen HORIZON BAHARU KIK peringkat JUPEM terhadap penilaian projek kumpulan adalah muktamad.

2.6 PERMOHONAN PENYERTAAN

- 2.6.1** Kumpulan KIK yang menyertai HORIZON BAHARU KIK peringkat JUPEM dikehendaki mengemukakan borang permohonan yang disediakan seperti di Lampiran A
- 2.6.2** Borang permohonan hendaklah dilengkap dan disahkan oleh Ketua Jabatan.
- 2.6.3** Setiap kumpulan hendaklah mengemukakan perkara-perkara berikut kepada pihak urus setia sebelum tarikh tutup iaitu:
- a) **Ringkasan Eksekutif – Lampiran A**
(300-500 patah perkataan / tidak melebihi dua muka surat. Ringkasan projek tidak dikira dalam jumlah muka surat)
 - b) **Empat salinan laporan**
 - i. Laporan mengikut susunan aturan kriteria penilaian projek
 - ii. Perincian projek **3000-5000 patah perkataan / tidak melebihi 15 muka surat** tidak termasuk lampiran
 - iii. Lampiran tidak melebihi 15 muka surat
 - iv. Minimum saiz tulisan adalah 11 dengan jenis *font Arial* dan *spacing multiple* at 1.15
 - c) **Gambar Projek** (*Softcopy-jpg @jpeg*)
 - d) **Logo Kumpulan dan Gambar Ahli Kumpulan** (*Softcopy-jpg @jpeg*)
 - e) **Video (sekiranya ada)** (*Softcopy*)*
 - f) **Laporan Hab Inovasi Sektor Awam (Lampiran D)** (*Softcopy- microsoft word*)

***Semua *softcopy* perlu dimasukkan dalam satu CD sahaja.**

2.6.4 Laporan Borang permohonan dan *hardcopy/ softcopy* projek yang telah dilengkap dan disahkan hendaklah dikemukakan kepada:

**URUS SETIA
KONVENSYEN HORIZON BAHARU KUMPULAN
INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

**Bahagian Perancangan dan Korporat
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Tingkat 13, Wisma JUPEM
Jalan Sultan Yahya Petra
50578 Kuala Lumpur**

**No. Tel : 03-2617 0800 / 0843 (Nurul Hayati binti Ismail)
No. Faks : 03-2617 0990
Emel : nurulhayati@jupem.gov.my**

2.7 PEMBENTANGAN PROJEK KIK

2.7.1 Ketetapan masa pembentangan projek KIK dibahagikan seperti berikut:-

PERKARA	MINIT	CATATAN
Bersiap Sedia dan Memasang Peralatan	5 Minit	Loceng dibunyikan menandakan masa persiapan bermula.
Pembentangan <ul style="list-style-type: none"> • Loceng Pertama • Loceng Kedua • Loceng Ketiga 	10 Minit (Tidak Termasuk Persembahan Video/Montaj)	Minit pertama [Sekali] (Loceng pertama akan dibunyikan setelah perkataan pertama disebut) Minit ke-8 (sekali) Minit ke-10 (dua Kali)
Sesi Soal Jawab (Viva) bersama Panel Penilai	10 Minit	Minit pertama [Sekali] (Loceng pertama akan dibunyikan setelah perkataan pertama disebut) Minit ke-8 (sekali) Minit ke-10 [dua Kali]



**GARIS PANDUAN HORIZON BAHARU
KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**

- 2.7.2** Permulaan video/montaj tidak dikira masa tetapi dihadkan kepada 3 minit sahaja.
- 2.7.3** Perkataan Pertama yang disebut peserta dianggap sebagai bermulanya masa pembentangan dan loceng akan berbunyi sekali.
- 2.7.4** Penilaian akan tertumpu kepada keberhasilan projek iaitu dari segi outcome dan impak. Pelbagai kaedah/alat penilaian akan digunakan oleh panel penilai bagi menilai projek-projek yang dipertandingkan.
- 2.7.5** Projek KIK ini akan dinilai oleh panel penilai yang diiktiraf oleh INTAN.
- 2.7.6** Semasa sesi pembentangan, setiap kumpulan digalakkan juga untuk membawa dokumen sokongan sebagai pembuktian, sekiranya perlu.

BAB 3: PENILAIAN

3.1 KRITERIA PENILAIAN PROJEK

3.1.1 Penilaian ke atas Kumpulan KIK yang bertanding dalam Konvensyen Horizon Baharu KIK peringkat JUPEM akan dibuat berdasarkan skema pemarkahan yang dikeluarkan oleh INTAN.

3.1.2 Pembahagian markah yang digunakan adalah seperti berikut:-

- a) Dokumentasi : 60%
- b) Sesi Soal Jawab : 30%
- c) Poster Projek : 10%

3.1.3 Penilaian dokumentasi dan sesi soal jawab akan dibuat berdasarkan kriteria dengan peruntukan peratusan markah seperti berikut:

BIL	KRITERIA	MARKAH (%)
1.	Latar Belakang Projek dan Penglibatan Pihak Pengurusan	4
2.	Signifikan Pemilihan Projek dan Pembuktian	10
3.	Tindakan Penyelesaian dan Pembuktian	23
4.	Keberhasilan Projek: <i>Outcome</i> Projek dan Pembuktian	35
5.	Keberhasilan Projek: Impak Projek dan Pembuktian	18
6.	Potensi Pengembangan Projek	10
JUMLAH		100

3.1.4 Maklumat terperinci bagi penilaian dokumentasi dan sesi soal jawab adalah menggunakan format dan kriteria penilaian seperti **Lampiran B**.

3.1.5 Penilaian poster projek

- a) Tema poster adalah berdasarkan kepada projek kumpulan masing – masing. Poster perlu selari dengan tema projek.
- b) Penyertaan **DIWAJIDKAN** kepada semua kumpulan KIK yang menyertai pertandingan Konvensyen Horizon Baharu KIK JUPEM 2019. Setiap kumpulan hanya dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja.
- c) Penyediaan poster hendaklah menggunakan perisian komputer dengan reka bentuk berukuran 420 mm x 594 mm (A2) di dalam format JPEG / PNG / PDF.
- d) Poster yang direka hendaklah bebas daripada unsur politik, perkauman dan isu yang menyentuh sensitiviti rakyat Malaysia.
- e) Rekaan dan idea poster mestilah hasil ciptaan sendiri dan asli. Urus setia mempunyai hak untuk menggugurkan penyertaan atau menarik balik hadiah yang telah dimenangi sekiranya didapati poster yang dihantar adalah tidak asli dan diplagiat. Urus setia boleh mengambil tindakan terhadap kesalahan tersebut dan tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian yang dialami atas dakwaan karya tiruan.
- f) Setiap penyertaan yang diterima tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik jabatan. Jabatan mempunyai hak untuk menggunakan poster yang diterima;
- g) Jabatan mempunyai hak untuk mengubah suai poster yang direka cipta oleh peserta;
- h) Keputusan panel hakim adalah **MUKTAMAD**.
- i) Kriteria Penilaian yang ditetapkan adalah seperti di **Lampiran C**.

BAB 4: PENGIKTIRAFAN

4.1 PENGANUGERAHAN DAN HADIAH

- 4.1.1 Projek-projek KIK yang bertanding akan dinilai oleh panel penilai yang diiktiraf oleh pihak INTAN. Hadiah-hadiah kepada para pemenang Konvensyen Horizon Baharu KIK peringkat JUPEM akan disampaikan pada majlis penutup Konvensyen Horizon Baharu KIK JUPEM.
- 4.1.2 Hadiah-hadiah akan dianugerahkan kepada Johan, Naib Johan, Tempat Ketiga dan lain-lain pertandingan yang berkaitan adalah berdasarkan Pekeliling W.P 5.3: Peraturan Mengenai Sambutan Hari Inovasi dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.
- 4.1.3 Kumpulan Hibrid akan dipertandingkan bersekali dengan kumpulan Primer bagi setiap bidang yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, agihan hadiah bagi setiap bidang juga tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.



**GARIS PANDUAN HORIZON BAHARU
KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA**



*Seksyen Inovasi dan Dokumentasi
Bahagian Perrancangan dan Korporat
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia*